



CIDB IBS Sdn Bhd  
Lot 8, Jalan Chan Sow Lin, 55200 Kuala Lumpur  
T: +603 - 9224 2280 / 2920 F: +603 - 9226 1868  
E: info@cidbmyibs.com.my W: www.cidbibs.com.my



Bil. Rujukan : CIDBIBS/TNA/P076/JLD1 ( 29 )  
Tarikh : 21 Jun 2024

**Ts EMASRIA BINTI ISMAIL**

Pengurus Besar  
Bahagian Pengurusan Latihan (BPLT)  
Sektor Pendaftaran & Akreditasi  
CIDB Malaysia

Puan,

**MAKLUM BALAS & JUSTIFIKASI KELEWATAN PENCAPAIAN PROGRAM LATIHAN IBS  
TAHUN 2024**

---

Rujukan dibuat kepada laporan pencapaian geran Melaksanakan Program Latihan IBS bagi Tahun 2024 bagi tempoh berakhir 31 Mei 2024 dan email puan bertarikh 19 Jun 2024 berkaitan perkara diatas.

2. Merujuk kepada pencapaian keseluruhan bagi program Latihan Pengurusan IBS dan Latihan Rekabentuk IBS yang masing-masing berada pada tahap 12% dan 30% setakat 31 Mei 2024 manakala pencapaian keseluruhan geran adalah 21% daripada sasaran sebanyak 36%.

3. Seperti yang pihak puan sedia maklum, geran Program Latihan IBS telah bermula pada 23 Februari 2024 dan akan berakhir pada 31 Disember 2024. Tempoh masa geran yang diberi adalah selama 10 bulan. Sasaran yang diletakkan bagi latihan Pengurusan IBS adalah seramai 600 peserta manakala bagi latihan Rekabentuk IBS adalah seramai 200 peserta.

4. Berikutan pencapaian yang rendah bagi tempoh berakhir Mei 2024 bagi kedua-dua program latihan tersebut, pihak CIDB IBS terlebih dahulu mengakui berlakunya ketidakcapaian terhadap jumlah sasaran peserta berdasarkan daripada sasaran sebenar yang telah ditetapkan. Pihak kami juga memandang serius situasi ini serta ingin memberikan maklum balas serta justifikasi berkenaan kelewatan pencapaian seperti berikut:

- a) Kelewatan mula melaksana latihan IBS bagi tahun 2024 iaitu pada Mac 2024 berikutan peruntukan subsidi latihan yang diterima melalui Surat Setuju Terima (SST) geran CIDB bertarikh 23 Februari 2024
- b) Tiada peserta yang mendaftar bagi menghadiri latihan pada bulan April 2024 berikutan sambutan perayaan Hari Raya Aidilfitri 2024 dan bulan perayaan tersebut
- c) Terdapat kekurangan data kontraktor yang baharu bagi tujuan *Blasting* pencarian peserta dan hanya menggunakan data yang sama seperti tahun 2023
- d) Mengikut rekod tahun-tahun terdahulu, bilangan peserta yang mendaftar dan menghadiri latihan ini adalah kurang pada sukuan pertama (Q1) dan sukuan kedua (Q2) berbanding permintaan akan meningkat bagi menghadiri latihan pada sukuan ketiga (Q3) dan sukuan keempat (Q4)

Bil. Rujukan : CIDBIBS/TNA/P076/JLD1 ( 29 )  
Tarikh : 21 Jun 2024

- e) *Platform* laman media sosial yang mampu menarik ramai kehadiran peserta ialah melalui aplikasi *WhatsApp*. Berlaku sedikit masalah software *WhatsApp Blasting* di mana nombor *WhatsApp* CIDB IBS kerap menerima masalah *ban & block* oleh pihak admin *WhatsApp* sehingga sukar untuk dicapai kepada bakal peserta (untuk rekod, *WhatsApp Blasting* sehingga Mei 2024 adalah seramai 15,000 ribu capaian)
  - f) *Platform e-mail blasting* juga turut digunakan disamping platform laman sosial yang lain untuk carian peserta, akan tetapi kurang mendapat sambutan dari Industri bagi mendaftar menghadiri latihan bagi tempoh sehingga Mei 2024 (untuk rekod capaian *e-mail blasting* sehingga Mei 2024 adalah 159,000 ribu capaian)
5. Sehubungan itu, pihak CIDB IBS sedang mengambil beberapa langkah dan pelan strategik untuk mengatasi masalah kelewatan atau ketidakcapaian peserta bagi kesemua program latihan yang dijalankan ini dengan langkah-langkah seperti berikut:
- i. Penghantaran surat jemputan secara terus kepada pihak syarikat-syarikat pengeluar IBS besar seperti Syarikat Gamuda, Teraju Precast, IJM Precast, Setia Precast, dan juga lain-lain pengeluar IBS. (sasaran adalah 200 peserta)
  - ii. Penghantaran surat jemputan kepada agensi kerajaan yang berkaitan seperti Cawangan Kejuruteraan Awam & Struktur, Jabatan Kerja Raya dan Agensi-Agensi lain yang berkepentingan dalam bidang IBS. (sasaran adalah 200 peserta)
  - iii. Sedang menjalankan kolaborasi bersama syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC) seperti pihak TNB, MARA, Sime Darby, IJM dan dll. (sasaran adalah 100 peserta)
  - iv. Kelaberasi dan melantik beberapa rakan media baharu untuk tujuan promosi kepada peserta yang belum dicapai oleh CIDB IBS dan juga bagi pencarian peserta mengikut takwim latihan yang telah disusun. (sasaran adalah 200 peserta)
  - v. Surat jemputan kepada badan-badan profesional dan yang berkepentingan seperti Association of Consulting Engineers Malaysia (ACEM), Institution of Engineers Malaysia (IEM), Pertubuhan Akitik Malaysia (PAM) dan Board of Engineers Malaysia (BEM)
  - vi. Surat jemputan kepada persatuan-persatuan kontraktor seperti Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM), Persatuan Kontraktor Bumiputera Malaysia (PKBM) dan Master Builders Association Malaysia (MBAM)
  - vii. Menambah bilangan latihan iaitu minima dua (2) kali sebulan dan menumpukan latihan secara *Online* berikutan kehadiran peserta adalah lebih tinggi dapat dicapai diserata Malaysia, berbanding latihan secara fizikal
  - viii. Meningkatkan promosi kursus latihan ini melalui laman sosial CIDB IBS termasuk CIDB Holdings dan juga CIDB Malaysia

Bil. Rujukan : CIDBIBS/TNA/P076/JLD1 ( 29 )  
Tarikh : 21 Jun 2024

6. Pihak CIDB IBS akan memberikan komitmen yang tinggi untuk mencapai sasaran yang ditetapkan oleh pihak CIDB dan bersama ini disertakan sasaran yang telah disemak semula dalam **Lampiran 1** dan takwim terbaharu dalam **Lampiran 2** untuk rujukan pihak puan. Sebarang pertanyaan pihak puan boleh menghubungi pegawai kami En. Sylvester di talian 014-594 5756.

Segala kerjasama pihak puan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian,



(Ir. Ts. ZURAIH ABDUL GHANI)

Ketua Pegawai Eksekutif

 CIDB IBS Sdn Bhd

**Tempoh Geran :** 23 Februari 2024 sehingga 31 Disember 2024

[illegible]

## LAMPIRAN 2

### JADUAL PROGRAM LATIHAN ANJURAN CIDB IBS SDN BHD BAGI TAHUN 2024

| TARIKH  | LATIHAN PENGURUSAN IBS |         | LATIHAN REKABENTUK IBS |         |
|---------|------------------------|---------|------------------------|---------|
| Feb-24  | 14 – 15                | Online  | 21 – 22                | Online  |
| Mar-24  | 26 – 27                | Online  | 20 – 21                | Online  |
| Apr-24  | 16 – 17                | Online  | 23 - 24                | Online  |
| May-24  | 7 – 8                  | Online  | 15 – 16                | Online  |
| June-24 | 11 – 12                | Online  | 26 – 27                | Online  |
|         | 25 - 26                | Online  | -                      | -       |
| July-24 | 9 – 10                 | Online  | 24– 25                 | Online  |
|         | 23 - 24                | Online  | -                      | -       |
|         | 15 - 16                | Fizikal | 17 – 18                | Fizikal |
| Aug-24  | 7 – 8                  | Online  | 20 – 21                | Online  |
|         | 20 - 21                | Online  | -                      | -       |
| Sept-24 | 3 – 4                  | Online  | 25 – 26                | Online  |
|         | 17 - 18                | Online  | -                      | -       |
|         | 11 – 12                | Fizikal | 18 – 19                | Fizikal |
| Oct-24  | 9 – 10                 | Online  | 22 – 23                | Online  |
|         | 22 - 23                | Online  | -                      | -       |
| Nov-24  | 5 – 6                  | Online  | 20 – 21                | Online  |
|         | 19 - 20                | Online  | -                      | -       |
|         | 11 – 12                | Fizikal | 13 – 14                | Fizikal |
| Dec-24  | 4 – 5                  | Online  | 17 – 18                | Online  |